Bahasa Tok Pisin

Tok Pisin merupakan sebuah bahasa rasmi Papua New Guinea. Bahasa ini termasuk dalam golongan bahasa kreol dan berdasarkan bahasa Inggeris. Perkataan **Tok Pisin** berasal daripada perkataan Inggeris *talk* ('berbicara') dan *pidgin* ('bahasa pijin').

Kosa kata Tok Pisin untuk 5/6 bahagian berasal daripada bahasa-bahasa Indo-Eropah sedangkan 1/6 lainnya datang terutamanya daripada bahasa-bahasa Austronesia.

Tok Pisin	
Asli di	Papua New Guinea
Penutur asli	5-6 juta; ~ 1 juta penutur asli (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Kreol ▪ Kreol Inggeris ▪ Pasifik ▪ **Tok Pisin**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Papua New Guinea
Kod bahasa	
ISO 639-2	tpi
ISO 639-3	tpi

Nama

Perkataan *Tok* ialah terbitan daripada perkataan Inggeris *talk* (cakap, bicara), akan tetapi ia mempunyai kegunaan yang lebih luas dan boleh bermaksud "kata", "percakapan", atau "bahasa". *Pisin* pula datang daripada perkataan Inggeris *pidgin*.

Kendatipun bahasa Tok Pisin lazimnya disebut dengan nama ini, ia juga disebut—mahupun jarang— dengan panggilan *New Guinea Pidgin*[1] atau, dalam konteks akademik, *Pijin Melanesia*,[2] *Inggeris Pijin Melanesia* atau *Neo-Melanesian*.

Penggunaan nama *Tok Pisin* digemari para ahli linguistik kerana nama itu dapat mengelakkan salah tanggapan bahawa bahasa Tok Pisin masih sebuah bahasa pijin. Mahupun pada satu masa dahulu ia merupakan bahasa pijin, bahasa Tok Pisin sekarang dianggap sebagai bahasa tersendiri oleh sebab ia merupakan bahsa pertama buat ramai orang dan bukan setakat bahasa lingua franca bagi memudahkan perhubungan antara penutur bahasa-bahasa berbeza.

Rujukan

1. E.g. Nupela Testamen bilong Bikpela Jisas Kraist, 1969.
2. Eg F. Mihalic SVD, *The Jacaranda Dictionary and Grammar of Melanesian Pidgin*, Milton, QLD, Australia: Jacaranda Press Pty Ltd, 1971.

Rencana berkaitan bahasa ini ialah rencana tunas. Anda boleh membantu Wikipedia dengan mengembangkannya (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Tok_Pisin&action=edit).

Wikipedia ***Bahasa Tok Pisin***, ensiklopedia bebas

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Tok_Pisin&oldid=4206992"

Laman ini kali terakhir disunting pada 03:41, 26 November 2017.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.